

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: Monday, May 27, 2019 10:59 AM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: Program Kecemerlangan Pelajar Dan Iftar Perdana Dekati Dan Santuni Pelajar



UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

27 MEI 2019 / 22 RAMADAN 1440H

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Dr. Ruhaida Saidon
Gambar oleh: Mohd Zaidi Johar

PROGRAM KECEMERLANGAN PELAJAR DAN IFTAR PERDANA DEKATI DAN SANTUNI PELAJAR



UUM ONLINE: Seramai 57 pelajar dari lima Pusat Pengajian di bawah COB telah diraikan dalam Program Kecemerlangan Pelajar dan Majlis Iftar anjuran PPA COB di Bilik Kedah, Bangunan SBM, baru-baru ini.

Dekan Pejabat Pembangunan Pelajar dan Alumni (PPA COB), Dr. Herman Shah Anuar berkata, tujuan utama program itu adalah untuk meraikan pelajar dalam majlis iftar perdana, selain mendekati dan menyantuni pelajar dari keluarga yang kurang berkemampuan.

Selain itu, menurutnya, program tersebut juga adalah platform berdiskusi santai untuk berusaha menjadi pelajar minda kelas pertama bagi menghadapi peperiksaan akhir yang akan tiba tidak lama lagi.

“Maklum balas daripada setiap pelajar ini merupakan input yang penting kepada pihak PPA COB dalam merangka serta merencanakan program yang sesuai dengan keperluan aktiviti kebajikan pelajar.

“Saya berharap program seperti ini dapat meningkatkan motivasi serta keyakinan diri mereka untuk menjadi pelajar minda kelas pertama yang cemerlang dan terbilang,” katanya.

Pada program itu, Penyelaras Praktikum PPA COB, Dr. Ruhaida Saidon telah mengambil pendekatan mendalami masalah yang dihadapi pelajar secara *non-verbal* yang mana mereka dikehendaki memberi maklum balas tentang masalah yang dihadapi serta cadangan jalan penyelesaian secara bertulis sebelum diserahkan kepada pihak PPA COB di akhir program tersebut.

Selain itu, pelajar juga diperdengarkan tazkirah ringkas sempena bulan Ramadan yang disampaikan Penyelaras Praktikum PPA COB, Dr. Mohd Adib Abd Muin yang mana beliau mengingatkan pelajar supaya mengambil ruang dan peluang dalam bulan Ramadhan yang mulia ini dengan memperbanyakkan amal ibadah baik amalan wajib mahupun amalan sunat.

Tambahnya lagi, bulan Ramadan ini juga dapat melatih diri untuk melawan hawa nafsu terutamanya nafsu marah dan makan.

Di akhir tazkirah, beliau menyatakan tentang 10 sifat-sifat terpuji (mahmudah) yang perlu ada dalam kehidupan sebagai pelajar minda kelas pertama iaitu sifat sabar, redha, zuhud, takut kepada Allah SWT, tawakal, kasih sayang, ikhlas, syukur, taubat dan mengingati mati.



 Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.